



Kementerian Kesihatan Malaysia



Agenda Nasional  
Malaysia Sihat



Bersama  
Hentikan  
Wabak  
Covid-19



# SOALAN DAN JAWAPAN mengenai

## DOS PENGGALAK VAKSIN COVID-19

untuk **ORANG AWAM**



VAKSIN COVID-19

**LINDUNG DIRI,  
LINDUNG SEMUA.**

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

1.	Apa itu dos penggalak ( <i>Booster Dose</i> )?	1
2.	Apa tujuan dos penggalak?	1
3.	Siapa yang patut dapat dos penggalak?	1
4.	Adakah wajib mengambil dos penggalak?	2
5.	Adakah dos penggalak melindungi saya dari varian-varian baru?	2
6.	Apakah jenis vaksin yang akan diberikan sebagai dos penggalak dan bilakah masa untuk mendapatkan dos penggalak?	2
7.	Berapa lamakah tempoh perlindungan yang diberikan oleh dos penggalak?	3
8.	Apakah kekerapan penerimaan dos penggalak?	3
9.	Sekiranya saya mendapat kesan sampingan susulan penerimaan dos kedua vaksin COVID-19, adakah saya boleh mengambil dos penggalak?	3
10.	Apakah saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization - WHO) dalam pemberian dos penggalak?	3
11.	Bagaimana saya boleh mendaftar untuk dos penggalak?	4
12.	Adakah saya perlu bayar untuk dos penggalak?	4
13.	Di mana saya boleh mendapatkan dos penggalak?	4
14.	Adakah saya boleh <i>walk-in</i> untuk menerima dos penggalak di mana-mana fasiliti kesihatan?	5
15.	Bagaimana jika saya terlepas tarikh janji temu?	5
16.	Apakah persediaan sebelum mendapatkan dos penggalak?	5
17.	Apakah perkara yang perlu dilakukan selepas menerima dos penggalak?	6
18.	Apa kesan sampingan selepas dos penggalak?	6
19.	Adakah saya patut menerima penggalak vaksin COVID-19 secara homologous (jenis yang sama) atau heterologous (jenis yang berlainan)?	6
20.	Adakah terdapat risiko sekiranya saya menerima penggalak vaksin COVID-19 secara heterologous?	7
21.	Adakah dos penggalak selamat untuk seseorang yang mahu mengandung, sedang mengandung atau sedang menyusui bayi?	7
22.	Sekiranya saya ingin mendapatkan jenis vaksin yang berlainan daripada yang ditawarkan untuk dos penggalak (contohnya kerana mengalami kesan sampingan daripada penerimaan vaksin dos lengkap sebelum ini), apakah yang harus saya lakukan?	7
23.	Saya telah lengkap vaksin primer dan dijangkiti COVID-19, berapa lama harus saya tunggu untuk mendapatkan dos penggalak?	7
24.	Apakah yang dimaksudkan dengan status vaksinasi lengkap?	8



## 01 APA ITU DOS PENGGALAK (BOOSTER DOSE)?

Dos penggalak atau *Booster Dose* adalah dos tambahan yang diberikan kepada individu yang telah lengkap menerima vaksin COVID-19.

## 02 APA TUJUAN DOS PENGGALAK?

Penerima vaksin lengkap mendapat perlindungan daripada penyakit COVID-19 terutamanya gejala teruk dan kematian. Walau bagaimanapun, setelah suatu tempoh, perlindungan tersebut berkurangan. Justeru, dos penggalak diberi untuk meningkatkan semula perlindungan tersebut.

## 03 SIAPA YANG PATUT DAPAT DOS PENGGALAK?

Dos penggalak akan diberikan kepada **individu dewasa berumur 18 tahun dan ke atas** dengan keutamaan kepada kumpulan rentan dan berisiko tinggi terhadap jangkitan COVID-19 selepas vaksinasi lengkap (*breakthrough infection*) seperti:

- i. Petugas barisan hadapan (anggota kesihatan dan bukan kesihatan)
- ii. Penghuni dan petugas di pusat jagaan kesihatan jangka panjang seperti pusat penjagaan warga emas dan sebagainya
- iii. Individu dengan komorbiditi
- iv. Ibu mengandung
- v. Keperluan ke luar negara

**Keutamaan janji temu diberikan mengikut turutan umur (*age step down approach*) yang telah sampai tempoh vaksinasi.**



## 04 ADAKAH WAJIB MENGAMBIL DOS PENGGALAK?

Walaupun dos penggalak bukan wajib, adalah amat disarankan untuk mengambil dos penggalak bagi memastikan perlindungan yang optimum terhadap jangkitan COVID-19 terutamanya gejala teruk dan kematian.

## 05 ADAKAH DOS PENGGALAK MELINDUNGI SAYA DARIPADA VARIAN-VARIAN BARU?

Dos penggalak memberi perlindungan terhadap semua varian COVID-19 sedia ada.

## 06 APAKAH JENIS VAKSIN YANG AKAN DIBERIKAN SEBAGAI DOS PENGGALAK DAN BILAKAH MASA UNTUK MENDAPATKAN DOS PENGGALAK?

Pada masa ini, Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) telah meluluskan beberapa jenis vaksin di Malaysia. Tempoh penerimaan dos penggalak adalah berbeza berdasarkan jenis vaksin lengkap atau dos primer yang telah diterima.

### PEMBERIAN DOS PENGGALAK VAKSIN COVID-19 SECARA HOMOLOGOUS ATAU HETEROLOGOUS

JENIS VAKSIN DOS PRIMER	JENIS VAKSIN YANG DISYORKAN	SELANG MASA PEMBERIAN DOS PENGGALAK
Comirnaty (Pfizer)	Comirnaty (Pfizer) atau AstraZeneca	Sekurang-kurangnya selepas 3 bulan dari dos 2
AstraZeneca		
Covilo (Sinopharm)		
Spikevax (Moderna)		
Sputnik V		
CoronaVac (Sinovac)	Comirnaty (Pfizer), AstraZeneca, CanSino atau CoronaVac (Sinovac)	Sekurang-kurangnya selepas 3 bulan
Convidecia (CanSino)	Comirnaty (Pfizer), AstraZeneca atau CanSino	
Janssen (Johnson & Johnson)	Comirnaty (Pfizer) atau AstraZeneca	



**07 BERAPA LAMAKAH TEMPOH PERLINDUNGAN YANG DIBERIKAN OLEH DOS PENGGALAK?**

Tempoh perlindungan yang diberikan oleh dos penggalak tidak dapat ditentukan buat masa kini kerana bukti dan maklumat masih belum mencukupi.

**08 APAKAH KEKERAPAN PENERIMAAN DOS PENGGALAK?**

Berdasarkan maklumat terkini, satu dos penggalak adalah memadai.

**09 SEKIRANYA SAYA MENDAPAT KESAN SAMPINGAN SUSULAN PENERIMAAN DOS KEDUA VAKSIN COVID-19, ADAKAH SAYA BOLEH MENGAMBIL DOS PENGGALAK?**

Ya, anda masih boleh mengambil dos penggalak. Walau bagaimanapun, anda perlu dapatkan nasihat doktor terlebih dahulu agar penilaian sebenar dapat dibuat serta tempat pemberian penggalak dapat ditentukan kerana anda mungkin memerlukan pemerhatian rapi semasa pengambilan dos penggalak tersebut.

**10 APAKAH SARANAN PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA (WORLD HEALTH ORGANIZATION - WHO) DALAM PEMBERIAN DOS PENGGALAK?**

Pasukan Pakar dan Penasihat Pertubuhan Kesihatan Sedunia (SAGE) menyatakan di dalam Pelan Keutamaan Penggunaan Vaksin COVID-19 bahawa dos penggalak boleh diberi setelah dos pertama dan kedua diterima. Ini kerana keberkesanan vaksin yang menurun dari masa ke semasa, juga dos penggalak mengurangkan risiko daripada jangkitan teruk dan kematian akibat COVID-19.



## 11 BAGAIMANA SAYA BOLEH MENDAFTAR UNTUK DOS PENGGALAK?

Anda boleh mendaftar untuk dos penggalak melalui langkah-langkah seperti berikut:

1. Pergi ke skrin utama aplikasi MySejahtera dan klik pada vaksinasi COVID-19.
2. Klik pautan 'Click here to book your appointment'
3. Pilih nama PPV dan lokasi PPV pilihan.
4. Pilih slot janji temu yang tersedia. Klik 'See more' untuk melihat slot-slot janji temu yang lain.
5. Sebelum klik sahkan, pastikan semua maklumat yang dipilih betul (jenis vaksin, PPV, tarikh dan masa janji temu).
6. Slot vaksinasi yang disahkan akan dipaparkan.
7. Dapatkan suntikan dos penggalak anda di PPV yang dipilih berdasarkan lokasi dan slot janji temu yang dibuat.

## 12 ADAKAH SAYA PERLU BAYAR UNTUK DOS PENGGALAK?

Buat masa kini, dos penggalak adalah di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). Maka ia adalah percuma. Namun begitu, ada fasiliti kesihatan swasta yang memberi dos penggalak berbayar. Justeru, adalah disarankan untuk mendapat maklumat lanjut dari fasiliti kesihatan swasta tersebut.

## 13 DI MANA SAYA BOLEH MENDAPATKAN DOS PENGGALAK?

Senarai fasiliti kesihatan awam dan swasta yang terlibat dengan pemberian dos penggalak boleh didapati di laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu <https://covid-19.moh.gov.my/vaksin-covid-19> atau di laman sesawang ProtectHealth iaitu <https://protecthealth.com.my/>



## 14 ADAKAH SAYA BOLEH WALK-IN UNTUK MENERIMA DOS PENGGALAK DI MANA-MANA FASILITI KESIHATAN?

Anda boleh walk-in ke PPV terpilih yang menyediakan kemudahan ini. Sila rujuk laman sesawang ProtectHealth di <https://protecthealth.com.my> untuk lokasi PPV dan hubungi PPV berkenaan untuk maklumat lanjut

## 15 BAGAIMANA JIKA SAYA TERLEPAS TARIKH JANJI TEMU?

Sekiranya anda terlepas tarikh janji temu, anda boleh menghubungi fasiliti kesihatan swasta yang disenaraikan di laman sesawang [ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd.](#) untuk mendapat tarikh janji temu baru.

## 16 APAKAH PERSEDIAAN SEBELUM MENDAPATKAN DOS PENGGALAK?

Antara perkara yang perlu diambil kira sebagai persediaan sebelum ke tempat vaksinasi termasuklah:

- Tidur secukupnya
- Mengambil sarapan / makan tengah hari sebelum ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV)
- Sihat tubuh badan dan tiada gejala
- Memakai pakaian yang sesuai dan sopan
- Memakai pelitup muka
- Membawa kad pengenalan atau dokumen pengenalan diri
- Membawa kad vaksinasi sebagai bukti anda telah mendapat dos lengkap sekiranya tiada aplikasi MySejahtera
- Bukan dalam tempoh kuarantin





## 17 APAKAH PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN SELEPAS MENERIMA DOS PENGGALAK?

Setelah menerima suntikan vaksin COVID-19, penerima vaksin perlu:

- Berada di ruang pemerhatian yang ditetapkan sekurang-kurangnya selama 15 minit.
- Memaklumkan kepada petugas kesihatan atau mendapatkan rawatan segera sekiranya mengalami tanda-tanda kesan sampingan yang teruk selepas menerima vaksin COVID-19.
- Penerima vaksin perlu sentiasa mengamalkan norma baharu dan mengikuti langkah pencegahan penyakit COVID-19.
- Menyimpan kad vaksinasi yang diberi oleh anggota kesihatan.
- Elakkan aktiviti lasak dalam tempoh seminggu.

## 18 APAKAH KESAN SAMPINGAN SELEPAS DOS PENGGALAK?

Kesan sampingan bagi dos penggalak adalah sama seperti kesan sampingan suntikan vaksin COVID-19 yang sebelum ini diantaranya demam, keletihan dan kesakitan pada otot. Kebanyakan kesan sampingan adalah ringan dan boleh sembuh sendiri atau dikurangkan dengan pengambilan ubat-ubatan seperti paracetamol.

Walau bagaimanapun, terdapat segelintir individu mendapat kesan sampingan yang lebih teruk seperti *pericarditis*. Sila rujuk ke fasiliti kesihatan yang berhampiran dengan SEGERA sekiranya kesan sampingan adalah berpanjangan atau serius. Kesan sampingan yang dialami perlu dilaporkan melalui aplikasi MySejahtera.

## 19 ADAKAH SAYA PATUT MENERIMA DOS PENGGALAK SECARA HOMOLOGOUS (VAKSIN JENIS YANG SAMA) ATAU HETEROLOGOUS (VAKSIN JENIS YANG BERLAINAN)?

Berdasarkan kajian-kajian terbaru, individu boleh menerima dos penggalak vaksin COVID-19 secara homologous atau heterologous.





**20 ADAKAH TERDAPAT RISIKO SEKIRANYA SAYA MENERIMA PENGGALAK VAKSIN COVID-19 SECARA HETEROLOGOUS?**

Tiada risiko dilaporkan susulan penerimaan penggalak vaksin berdasarkan pelaporan daripada kajian-kajian yang dijalankan.

**21 ADAKAH DOS PENGGALAK SELAMAT UNTUK SESEORANG YANG MAHU MENGANDUNG, SEDANG MENGANDUNG ATAU SEDANG MENYUSU BAYI?**

Ya, dos penggalak adalah selamat diambil oleh mereka yang merancang untuk mengandung dan sedang menyusukan bayi serta tiada tempoh masa ditetapkan untuk mengambilnya. Walau begitu, mereka yang mengandung disyorkan untuk ambil dos penggalak jenis Pfizer pada minggu ke-12 dan ke atas.

**22 SEKIRANYA SAYA INGIN MENDAPATKAN JENIS VAKSIN YANG BERLAINAN DARIPADA YANG DITAWARKAN UNTUK DOS PENGGALAK (CONTOHNYA KERANA MENGALAMI KESAN SAMPINGAN DARIPADA PENERIMAAN VAKSIN DOS LENGKAP SEBELUM INI), APAKAH YANG HARUS SAYA LAKUKAN?**

Sila maklumkan kepada petugas kesihatan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) sekiranya anda mempunyai kesan sampingan semasa menerima vaksin COVID-19 sebelum ini. Petugas kesihatan akan menilai status kesihatan anda dan akan membuat penilaian bagi menentukan sama ada anda layak atau tidak untuk menerima dos penggalak.

**23 SAYA TELAH LENGKAP VAKSIN PRIMER DAN DIJANGKITI COVID-19, BERAPA LAMA HARUS SAYA TUNGGU UNTUK MENDAPATKAN DOS PENGGALAK?**

Individu yang dijangkiti COVID - 19 selepas lengkap vaksinasi dos primer (*breakthrough infection*) boleh diberikan dos penggalak sejeurus selepas sembuh dari jangkitan COVID -19 selepas konsultasi diberikan oleh pegawai perubatan.



## 24 APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN STATUS VAKSINASI LENGKAP?

Status vaksinasi lengkap adalah seperti berikut:

### a) Bagi individu berumur 18 tahun dan ke atas

- Penerima **dos primer vaksin dua dos selain Sinovac/ Sinopharm** (contohnya Pfizer dan AstraZeneca) dan **dos primer vaksin satu dos** (contohnya Johnson & Johnson dan Cansino) dikira mendapat **dos lengkap selepas 14 hari** daripada tarikh suntikan terakhir dos primer.
- Penerima **dos primer Sinovac/Sinopharm** dikira mendapat **dos lengkap** selepas mendapat **dos penggalak** tanpa mengira jenis vaksin.
- **Warga emas berumur 60 tahun** ke atas dikira mendapat **dos lengkap** selepas mendapat **dos penggalak** tanpa mengira jenis vaksin.

### b) Bagi individu berumur bawah 18 tahun

- Penerima vaksin dos primer dikira mendapat dos lengkap selepas 14 hari daripada tarikh suntikan terakhir dos primer tanpa mengira jenis vaksin.

Jadual: Definisi status vaksinasi lengkap yang baharu berkuatkuasa pada 1 April 2022

JENIS VAKSIN	JUMLAH DOS	18 -59 TAHUN	60 TAHUN DAN KE ATAS
Sinovac Sinopharm	2 dos	Tidak lengkap vaksin	Tidak lengkap vaksin
	3 dos	Lengkap vaksin	Lengkap vaksin
Pfizer Moderna AstraZeneca Covaxin Covishield Novavax Sputnik V	2 dos	Lengkap vaksin	Tidak lengkap vaksin
	3 dos	Lengkap vaksin	Lengkap vaksin
Cansino Janssen Sputnik Light	1 dos	Lengkap vaksin	Tidak lengkap vaksin
	2 dos	Lengkap vaksin	Lengkap vaksin





Kementerian Kesihatan Malaysia

Diterbitkan oleh:  
Kementerian Kesihatan Malaysia



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
KEMASKINI : 13 APRIL 2022